

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI  
(BUKIT BENDERA)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 12.06.2014**

**Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [ BUKIT BENDERA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kos pembelian kereta Proton Perdana Honda Accord baru untuk kegunaan Jemaah Menteri, serta rasionalnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan tidak membeli kereta-kereta rasmi yang digunakan oleh Anggota Pentadbiran dan Anggota Kabinet. Sebaliknya mulai 1 Januari 1994 Kerajaan

Persekutuan telah menandatangani perjanjian konsesi dengan Syarikat SPANCO Sdn Bhd untuk membekalkan kereta saloon sebagai Kereta Rasmi dan Kenderaan Jabatan Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan menanggung kos sewaan, senggaraan dan pembaikan secara bulanan.

2. Pada masa ini, kereta rasmi yang digunakan oleh Jemaah Menteri ialah kereta Proton Perdana Baharu 2.4 Executive yang menggantikan Proton Perdana Executive V6. Rasional kepada penggantian kereta ini adalah kerana usia kereta Proton Perdana Executive V6 adalah antara 6 tahun hingga 8 tahun yang mana kondisi kereta adalah tidak sesuai untuk digunakan lagi dan tidak ekonomik untuk disenggara.

3. Kos sewaan bersih termasuk penyenggaraan untuk Proton Perdana Baharu 2.4 Executive adalah RM4,170.33 sebulan.